

Pejuang tidak letak calon proksi - Tun M

UM - 12/11/2021 w/d: 8

PETALING JAYA: Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Tun Dr. Mahathir Mohamad menafikan bahawa partinya memberi sokongan kepada mana-mana calon Bebas dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Ini selepas beliau mendapat tahu ada sesetengah pihak cuba mengaitkan Pejuang dengan individu tertentu yang bertanding sebagai calon Bebas.

“Ingin ditegaskan sekali lagi, Pejuang dan saya tidak menyokong sesiapa di dalam PRN Melaka jauh sekali melekat calon proksi.

“Saya harap dengan penjelasan ini tidak lagi ada sesiapa yang akan cuba kaitkan saya, mahupun Pejuang dengan mana-mana calon yang bertanding,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, bekas Ahli De-



MAHATHIR MOHAMAD

wan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee dikaitkan dengan Pejuang.

Namun Norhizam berkata, beliau kekal bertanding sebagai calon Bebas tanpa sokongan mana-mana parti.